

PROF. DATIN PADUKA DATO' DR. AINI IDERIS

Naib Canselor

Vice Chancellor

Ruj. Kami : UPM.CQA.100-14/1/3

Tarikh : 22 April 2019

Tuan Haji Mat Razi Abdullah
Pusat Islam Universiti
Universiti Putra Malaysia

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI KETUA JURUAUDIT DALAMAN (KJAD) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TAHUN 2019

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa tuan adalah dilantik sebagai Ketua Juruaudit Dalaman (KJAD) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Universiti Putra Malaysia tahun 2019. Berikut adalah senarai tugas dan tanggungjawab Ketua Juruaudit Dalaman UPM:

- (a) Bertanggungjawab kepada Wakil Pengurusan;
- (b) Memberi input dalam perbincangan audit dalaman;
- (c) Membantu menyelaraskan audit, dalam penyediaan Jadual audit dalaman;
- (d) Mengetuai audit dalaman;
- (e) Melaksanakan audit dalaman secara sepenuh masa;
- (f) Mengadakan perbincangan bersama semua Ketua Kumpulan, Ketua Sub Kumpulan, Penyelaras Audit dan Juruaudit Dalaman yang dilantik sebelum tarikh audit;
- (g) Membimbing Juruaudit Dalaman semasa melaksanakan audit dalaman;
- (h) Menyampaikan taklimat perjalanan audit dalaman dan laporan penemuan audit dalaman pada tarikh yang ditetapkan;
- (i) Menyediakan laporan keseluruhan audit dalaman;
- (j) Mengetuai dan melaksanakan pengesahan keberkesanan tindakan pembetulan dan menutup laporan ketakakuran (NCR) pada waktu yang ditetapkan; dan
- (k) Menyelaraskan peluang penambahbaikan mengikut keperluan; dan
- (l) Melaporkan penemuan audit dalaman dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO UPM.

3. Saya yakin dengan pengalaman dan komitmen tuan kepada universiti selama ini, ianya akan dapat menyumbang ke arah pencapaian seperti mana yang dihasratkan.

Sekian.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang benar,



PROFESOR DATIN PADUKA DATO' DR. AINI IDERIS, FASc.

DSIS, DPMK, PSK, KMN

Naib Canselor

Universiti Putra Malaysia

- s.k
1. Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti
 2. Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti
 3. Timbalan Wakil Pengurusan ISMS
 4. Fail Peribadi Pekerja PTJ

PROF. DATIN PADUKA DATO' DR. AINI IDERIS

Naib Canselor
Vice Chancellor

Ruj. Kami : UPM.CQA.100-14/1/3

Tarikh : 22 April 2019

Puan Noraihan Noordin
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia

Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI TIMBALAN KETUA JURUAUDIT DALAMAN (TKJAD) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TAHUN 2019

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa puan adalah dilantik sebagai Timbalan Ketua Juruaudit Dalaman (TKJAD) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Universiti Putra Malaysia tahun 2018. Berikut adalah senarai tugas dan tanggungjawab Timbalan Ketua Juruaudit Dalaman UPM:

- (a) Bertanggungjawab kepada Ketua Juruaudit Dalaman (KJAD);
- (b) Memberi input dalam perbincangan audit dalaman;
- (c) Membantu menyelaraskan audit, dalam penyediaan jadual audit dalaman;
- (d) Melaksanakan audit dalaman secara sepenuh masa;
- (e) Membantu KJAD dalam perbincangan bersama semua Ketua Kumpulan, Ketua Sub Kumpulan, Penyelaras Audit dan Juruaudit Dalaman yang dilantik sebelum tarikh audit;
- (f) Membimbing Juruaudit Dalaman semasa melaksanakan audit dalaman;
- (g) Membantu penyediaan laporan keseluruhan audit dalaman;
- (h) Membantu KJAD dalam melaksanakan pengesahan keberkesanan tindakan pembetulan dan menutup laporan ketakakuran (NCR) pada waktu yang ditetapkan; dan
- (i) Membantu dalam penyelarasan peluang penambahbaikan mengikut keperluan.

3. Saya yakin dengan pengalaman dan komitmen puan kepada universiti selama ini, ianya akan dapat menyumbang ke arah pencapaian seperti mana yang dihasratkan.

Sekian.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang benar,



PROFESOR DATIN PADUKA DATO' DR. AINI IDERIS, FASc.

DSIS, DPMK, PSK, KMN

Naib Canselor

Universiti Putra Malaysia

- s.k
1. Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti
 2. Dekan, Fakulti Kejuruteraan
 3. Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti
 4. Timbalan Wakil Pengurusan ISMS
 5. Fail Peribadi Pekerja PT